

TARIKH	7 / 7 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	Nasional

## Jemaah diminta jaga disiplin di Tanah Suci

**Bandar Baru Nilai:** Jemaah dari negara ini yang akan menunaikan umrah dan haji diminta mematuhi arahan Lembaga Tabung Haji (TH) termasuk menjaga tertib dan disiplin sepanjang di Tanah Suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata perkara itu penting tambahan pula dengan perkembangan terbaru yang menyaksikan konflik melanda Mesir.

Katanya, Kerajaan Arab Saudi sudah mengambil langkah berjaga-jaga supaya konflik berkenaan dan beberapa negara lain di rantau terbabit tidak merebak.

“Konflik di Mesir dibaraskan seperti ‘Arab Springs’ berjangkit dari Tunisia dan Syria. Oleh itu, kerajaan melalui Kementerian Luar dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sentiasa mengikuti perkembangan di negara itu,” katanya selepas merasmikan Kursus Pengukuhan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) Musim Haji, di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail; Pengurus Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, Datuk Seri Hassan Ahmad dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abd Rahman.

Seramai 75 pembimbing dilantik TH menyertai PIHTAS yang berlangsung empat hari bermula Khamis lalu. Antara tugas mereka adalah mendalami kehendak dan keperluan jemaah haji dari pelbagai sudut, termasuk kebaikan.

Sementara itu, Jamil Khir berkata, keputusan sama ada perlu membawa pulang kira-kira 12,000 pelajar dan rakyat Malaysia di Mesir hanya akan diputuskan Kementerian Luar dan MKN.

**“Perkara itu  
penting,  
tambahan pula  
dengan  
perkembangan  
terbaru yang  
menyaksikan  
konflik melanda  
Mesir”**

**Jamil Khir Baharom,**  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri